

# USM, SpaceIn lancar satelit piko pertama Malaysia

oleh MUKHRIZ MAT HUSIN 12 November 2023 05:25pm Masa membaca: 1 minit



Tangkap layar video satelit SpaceANT-D yang dilancarkan pada Ahad.

SHAH ALAM - Universiti Sains Malaysia (USM) dan syarikat spin-off universiti tersebut, SpaceIn Sdn Bhd melakar sejarah apabila melancarkan satelit piko pertama Malaysia, SpaceANT-D pada Ahad jam 2.47 pagi waktu tempatan.

Pelancaran tersebut menggunakan roket Falcon 9 milik SpaceX dari Vandenberg Space Force Base, California.

Ketua Pegawai Eksekutif SpaceIn, Dr. Norilmi Amilia Ismail berkata, misi itu merupakan hasil usaha bersama antara USM, SpaceIn, dan Persatuan Pemancar Radio Amatur Malaysia (MARTS) dan menandakan pencapaian penting dalam usaha negara untuk mencapai Malaysia Space Exploration 2030.

Ujar beliau, pelancaran satelit itu juga menunjukkan komitmen USM dan SpaceIn dalam membangunkan bakat tempatan, menggalakkan inovasi dan memajukan industri angkasa di Malaysia.

"SpaceIn bercita-cita untuk memimpin aktiviti penjelajahan angkasa di Malaysia. Kami percaya dengan pengurangan kos melalui penggunaan satelit kecil akan

memberi lebih banyak peluang kepada semua untuk menggunakan teknologi angkasa bagi menyelesaikan pelbagai masalah industri dan kehidupan.

"Antara industri tumpuan Spaceln untuk penggunaan satelit 'Space Advance Network Technology' (SpaceANT) ini adalah industri pertanian, perhutanan, minyak dan gas," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut kenyataan tersebut, SpaceANT-D akan dilepaskan daripada 'deployer' (pelancar) Alba Orbital dalam masa tujuh hingga 10 hari lagi dan kemudiannya isyarat pertama satelit tersebut akan dihantar ke stesen bumi.

"SpaceANT-D berukuran 5x5x5 cm dan berat kurang dari 250 gram (g) ini akan mendemonstrasikan

misi penstoran dan penghantaran data untuk aplikasi Internet Pelbagai Benda (IoT).

"Dinamakan 'Space Advance Network Technology' (SpaceANT), akan menerima data daripada sensor di bumi dan kemudiannya data ini dihantar semula ke stesen bumi

"Dari stesen bumi, data akan dihantar ke 'cloud' (storan penyimpanan) untuk memudahkan pengambilan data oleh pengguna," ujar kenyataan itu.

Tambah kenyataan tersebut, Spaceln merupakan salah satu pemenang program akselerator SUPERB yang ditawarkan oleh sebuah agensi tindakan afirmatif Bumiputera, TERAJU, yang ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

"Geran yang dimenangi telah digunakan untuk membiayai pembangunan SpaceANT-D. Spaceln juga menerima dana daripada Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) untuk pembangunan pusat data satelit di Universiti Sains Malaysia," jelasnya.